

Persepsi Pelajar Terhadap Peluang Kerjaya dalam Bidang Pelancongan

Noor Suhaila Yusof¹ dan Kamal Izzuwan Ramli²
Fakulti Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar
Universiti Utara Malaysia,
Sintok, Kedah
izzuwan@uum.edu.my¹, nsuhaila@uum.edu.my²

Abstrak: Industri pelancongan Malaysia telah memperlihatkan potensinya dalam menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara dari segi pendapatan dan guna tenaga. Pembangunan pesat sektor ini telah meningkatkan peluang pekerjaan kepada lepasan diploma dan ijazah terutamanya kepada graduan-graduan yang mengikuti pendidikan secara formal dalam bidang pelancongan, sama ada pendidikan profesional ataupun vokasional. Usaha bersungguh-sungguh kerajaan serta pihak swasta dalam membangunkan sektor pelancongan negara telah membuka lebih banyak peluang kerjaya dalam pelbagai sub-sektor pelancongan terutamanya dalam perhotelan, pemasaran pelancongan, pengangkutan, perniagaan dan restoran serta sub-sektor yang berkait rapat dengan pelancongan. Peluang-peluang ini sudah pastinya memerlukan tenaga kerja yang ramai bagi mencapai pertumbuhan pesat yang mampan seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-9), 2005-2010. Kajian ini telah dilakukan ke atas 390 pelajar baru pelbagai jurusan, bangsa dan jantina semasa minggu suaikenal Semester Pertama Sesi 2003/2004. Tujuan kajian adalah untuk mengumpul data dan mengetahui persepsi mereka terhadap sektor pelancongan dan kesanggupan mereka menjadikan sektor ini sebagai kerjaya mereka kelak. Analisis yang dilakukan adalah berdasarkan data-data yang telah dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan.

Keywords: Industri pelancongan, persepsi, minat, peluang kerjaya.

1.0 Pengenalan

Dewasa ini industri pelancongan menjadi semakin penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan banyak menyumbangkan kepada pendapatan dan pertumbuhan negara. Ini terbukti dengan meningkatnya jumlah kedatangan pelancong asing ke negara ini iaitu kira-kira 15.7 juta pelancong pada tahun 2005 yang telah menjana pendapatan berjumlah RM29.7 juta [1]. Kesemua ini menunjukkan betapa industri pelancongan negara mampu menjanakan pendapatan yang besar bagi ekonomi negara. Berdasarkan laporan Separuh Penggal RMKe-8, sektor ini telah menyumbang sebanyak 7.8% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2001 dan 7.5% pada tahun 2002. Peningkatan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa yang berlipat ganda serta meningkatnya bilangan pelancong domestik mempunyai implikasi yang penting terhadap struktur gunatenaga dalam empat sub-sektor utama pelancongan, iaitu; penginapan, pengangkutan, perkhidmatan dan makanan. Kepesatan industri pelancongan telah mewujudkan sebanyak 445,000 pekerja yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan negara pada tahun 2005 [1]. Aktiviti-aktiviti galakan, pemasaran dan pembangunan produk pelancongan yang kompetitif tidak akan sempurna tanpa penekanan yang seimbang terhadap pembangunan sumber manusia yang merupakan komponen yang penting dalam menjana pertumbuhan sektor ini.

Namun begitu, satu daripada beberapa cabaran yang dihadapi oleh sektor ini adalah untuk menarik minat dan juga mengekalkan (*retaining*) golongan profesional muda dalam pasaran pekerjaan yang begitu mencabar dari segi persaingannya. Choy [2] pula menyatakan bahawa terdapat empat persepsi/pandangan golongan belia pada masa kini terhadap kerjaya dalam sektor pelancongan iaitu “...*Tourism generates primarily low-skilled job, ...Tourism generates low-paying jobs, ...Tourism jobs do not offer high levels of job satisfaction and ...Tourism offer limited opportunities for advancement*”.

Cabaran lain yang dihadapi oleh industri ini adalah untuk menarik minat golongan belia supaya mengambil peluang kerjaya dalam sektor pelancongan dan juga mengekalkan mereka dalam pasaran kerjaya yang bersaing tinggi ini [3]. Kenyataan ini menyokong kenyataan Szivas dan Riley [4] bahawa kerjaya di dalam industri pelancongan hanya akan mendapat perhatian apabila berlakunya kekurangan peluang kerjaya di dalam bidang lain manakala Getz [5] pula berpendapat bahawa pekerjaan di dalam bidang pelancongan adalah bukan pilihan pertama di kalangan golongan muda. Lewis dan Airey [3] pula menekankan pentingnya sikap dan persepsi/pandangan awal yang positif untuk meningkatkan pemilihan kerjaya dikalangan golongan belia dalam sektor pelancongan.

Apa yang difikirkan oleh golongan belia iaitu pelajar pasca menengah serta pandangan mereka mengenai kerjaya di dalam industri ini tidak boleh lagi dipandang remeh. Menurut McKercher *et al.* [6], banyak kajian pengesanan yang telah dijalankan mendapati bahawa terdapat satu trend positif untuk latihan di dalam pelancongan, memandangkan graduan yang berkelulusan ijazah dan diploma vokasional tidak memerlukan masa yang lama untuk mendapat pekerjaan. Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Purcell dan Quinn [7] menunjukkan bahawa lebih kurang separuh daripada graduan tidak bekerja di dalam industri pelancongan, walaupun latihan dan kelulusan mereka adalah menjurus dalam bidang tersebut.

Maka dengan ulasan ini, ternyata amat penting sekali untuk mengetahui persepsi/pandangan pelajar pasca menengah terhadap pekerjaan dalam industri pelancongan serta *attributes* yang boleh menarik mereka untuk menceburi sektor ini. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi/pandangan pelajar baru Universiti Utara Malaysia terhadap kesanggupan mereka menceburi industri pelancongan sebagai kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka.

2.0 Industri pelancongan Negara

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai destinasi pelancongan menarik. Keunikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan telah terserlah kerana setiap negeri-negeri di Malaysia mempunyai daya tarikannya yang tersendiri. Apatah lagi masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya yang mewarnai Malaysia. Bermulanya 'Tahun 1990 sebagai Tahun Melawat Malaysia', negara ini mula melebarkan sayapnya untuk mengembangkan lagi aktiviti mempromosikan Malaysia ke peringkat antarabangsa. Kemampuan Malaysia untuk menganjurkan pelbagai aktiviti pelancongan yang bertaraf antarabangsa seperti *Formula One, Le Tour de Langkawi, Langkawi International Maritime and Airshow, Ironman Langkawi, Extreme Games* peringkat Asia, acara karnival dan kebudayaan 'Bulan Citrawarna Malaysia' telah berjaya menarik lebih ramai lagi pelancong antarabangsa untuk berkunjung ke negara ini. Malahan di peringkat domestik pula penganjuran pelbagai acara bertema seperti "Cuti-cuti Malaysia", "Perayaan Kemerdekaan", "Karnival Jualan Mega", disamping acara "Perayaan Keagamaan" dan acara "Tahun Melawat Negeri" serta pakej lawatan yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang tempat tarikan dan kemudahan yang telah disediakan kerajaan.

Sektor swasta juga turut terlibat secara aktif dalam merangsang pertumbuhan sektor pelancongan melalui pelaburan dalam perhotelan dan projek berkaitan dengan pelancongan. Pelaburan tersebut telah meningkat daripada RM8.8 bilion pada RMKe-6 kepada RM18.2 bilion dalam tempoh RMKe-7 (peningkatan sebanyak 107 peratus). Peningkatan dalam pelaburan ini telah menyebabkan bilangan hotel meningkat daripada 1,220 buah (dengan 76,370 bilik) pada tahun 1995 kepada 1,492 buah (dengan 134,500 bilik) pada tahun 2000. Seterusnya kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion dalam tempoh RMKe-8 dan RMKe-9 sebagai peruntukan untuk pembangunan pelancongan.

Dengan pertambahan pelaburan dalam sektor pelancongan negara oleh pihak swasta dan kerajaan maka wujudlah pelbagai jenis pekerjaan sebagai pelengkap seperti bekerja di sektor perhotelan, motel, resort atau lebih dikenali sebagai *accommodation industry*. Perkhidmatan sebagai penyelenggara perjalanan (*travel*) seperti *travel agents, tour wholesales* dan *receptionist services*. Sektor pengangkutan turut menyediakan peluang kerja dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan. Sementara itu peluang-peluang kerjaya turut ditawarkan dalam sektor pembangunan destinasi, sebagai penyelidik, bekerja di sektor kerajaan yang berkaitan dengan pelancongan, restoran, gedung-gedung serbaneka, di kawasan-kawasan rekreasi dan kawasan-kawasan tarikan pelancong yang lain.

3.0 Ulasan Karya

Menurut *World Tourism Organisation (WTO)* [8], pada tahun 2001 jumlah bilangan pelancong antarabangsa yang paling ramai melancong adalah dari benua Eropah (400.3 juta), Americas (120.8 juta) dan Asia Timur dan Pasifik (115.1 juta) (rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Kedatangan Pelancong Antarabangsa: Pecahan Mengikut Benua, 2001

Benua	Kedatangan (Juta)	Peratus	% Perubahan 2001/00
Afrika	28.2	4.1	3.8
Americas	120.8	17.4	(-5.9)
Asia Timur/Pasifik	115.1	16.6	5.5
Eropah	400.3	57.8	(-0.6)
Timur Tengah	22.5	3.3	(-3.1)
Asia Selatan	5.7	0.8	(-6.3)
Dunia	692.7	100.0%	(-0.6%)

Sumber: *World Tourism Organization (WTO)*

Menurut laporan yang dibuat oleh *World Travel & Tourism Council (WTTC)* [9], industri pelancongan dan pengembaraan dunia dianggarkan meningkat kepada 5.1% pada tahun 2005. Ekonomi pelancongan dan pengembaraan pula dijangka untuk meningkat kepada 7.8 trilion USD pada tahun 2005 apabila kadar peningkatan kembali kepada tahap normal. Akan tetapi, peningkatan yang paling besar dijangka akan berlaku di Asia kerana terdapat peningkatan yang ketara dikalangan pelancong dari China dan India. Situasi ini juga dilihat berlaku di Malaysia. Menurut Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (LPPM) telah menyatakan bahawa kedatangan pelancong dari China telah mencatatkan peningkatan sebanyak 56.9% pada tahun 2004.

Sekiranya dilihat senarai 10 negara utama yang dilawati pelancong (Jadual 2), Malaysia tidak tersenarai berbanding dengan negara-negara eropah mahupun negara China, namun negara mampu juga meningkatkan potensi dalam mutu perkhidmatannya setanding dengan destinasi-destinasi utama pelancongan yang lain. Pembangunan sektor pelancongan ini boleh disifatkan sebagai sebahagian daripada usaha membina, memperluaskan dan mempelbagaikan asas ekonomi negara dalam sektor perkhidmatan agar sektor ini menjadi lebih dinamik, progresif dan berdaya saing.

Jadual 2: Senarai 10 Negara Utama Dilawati Pelancong

Benua	Kedatangan Antarabangsa (Juta)	Peratus	% Perubahan 2001/00
1. Perancis	76.5	10.8	3.4
2. Sepanyol	49.5	7.1	3.4
3. Amerika Syarikat	45.5	6.6	(-10.6)
4. Itali	39.0	5.6	(-5.3)
5. China	33.2	4.8	6.2
6. United Kingdom	23.4	3.4	(-7.4)
7. Rusia	-	-	-
8. Mexico	19.8	2.9	(-4.0)
9. Kanada	19.7	2.8	(-0.1)
10. Austria	18.2	2.6	1.1

Sumber: World Tourism Organization (WTO)

Di dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMKe-8) 2001-2005, kerajaan telah menekankan teras dasar pelancongan iaitu untuk mencapai pertumbuhan pesat yang mampan. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu pendekatan yang menyeluruh dan tersusun akan diambil bagi menggiatkan lagi sektor pelancongan negara. Usaha yang lebih giat akan dilakukan dalam mempelbagaikan lagi jenis produk pelancongan yang berkualiti bagi merangsangkan permintaan pelancongan di peringkat domestik dan antarabangsa. Ini bersesuaian dengan peningkatan pasaran dan permintaan terhadap perkhidmatan dalam memenuhi keperluan pelancong [10].

Ketibaan pelancong asing ke Malaysia yang semakin bertambah dari tahun ke tahun telah memberi implikasi yang penting terhadap keperluan guna tenaga terutamanya dalam sub-sektor penginapan, pengangkutan dan perkhidmatan pelancong. Aktiviti-aktiviti galakan, pemasaran dan pembangunan produk pelancongan yang kompetitif tidak akan sempurna tanpa penekanan yang seimbang terhadap pembangunan sumber manusia yang merupakan satu komponen yang penting dalam sektor pelancongan. Justeru itu, strategi yang teratur perlu untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisme, jenis dan kualiti perkhidmatan pelancongan yang telah disediakan.


Peluang kerjaya yang wujud merupakan satu peluang yang begitu mencabar kerana melalui sektor ini, kemampuan seseorang individu itu dalam mempamer, mempromosi, menerang dan meyakinkan para pelancong mengenai tarikan, keunikan, kualiti dan produk-produk pelancongan Malaysia adalah satu aspek kejayaan individu dan kerajaan negeri pada keseluruhannya.

Satu daripada cabaran yang dihadapi oleh sektor ini adalah untuk menarik minat golongan belia supaya mengambil peluang kerjaya dalam sektor pelancongan dan juga mengekalkan mereka dalam pasaran kerjaya yang bersaing tinggi ini. Menurut Choy [2], terdapat empat persepsi/pandangan golongan belia pada masa kini terhadap kerjaya dalam sektor pelancongan iaitu "...*Tourism generates primarily low-skilled job, ...Tourism generates low-paying jobs, ...Tourism jobs do not offer high levels of job satisfaction and ...Tourism offer limited opportunities for advancement*".

Lewis dan Airey [3] pula telah menyatakan bahawa keperluan bilangan dan kualiti bagi golongan muda merupakan persaingan yang tinggi dalam pasaran pekerjaan. Mereka menekankan betapa pentingnya sikap dan persepsi awal yang positif untuk meningkatkan pemilihan kerjaya dikalangan golongan belia dalam sektor pelancongan. Pengaruh kuat melalui nilai kerja dan sumber maklumat mengenai sektor tersebut juga akan mendorong pelajar-pelajar supaya berminat dalam pembangunan diri dan percaya bahawa sektor ini akan membekalkan peluang-peluang kerjaya yang lebih baik kepada mereka pada masa hadapan.

Sektor pelancongan telah membuka ruang kepada pelbagai kerjaya yang mampu dilakukan melalui sub-sektornya. Sub-sektor pelancongan turut menunjukkan keperluan dan penawaran pasaran buruh yang menggalakkan. Sub-sektor seperti perdagangan, borong, runcit, hotel dan restoran ialah penjana penting kepada guna tenaga berikutan berkembangnya sektor pelancongan. Pengantungan ekonomi negara telah berubah dari sektor pertanian kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam sepuluh tahun yang akan datang, permintaan buruh dijangka akan bertambah pada kadar purata 3.1% setahun. Ini akan menghasilkan peningkatan guna tenaga kepada 12.6 juta menjelang tahun 2010. Sektor perkhidmatan akan terus menjadi komponen terbesar jumlah guna tenaga sebanyak 59.4% daripada guna tenaga [11]. Lundberg *et al.* [12] bersama *Convocation of National Hospitality and Tourism Association* telah menerbitkan satu model senarai kerjaya dalam pelbagai sub-sektor pelancongan. Model senarai kerjaya tersebut digambarkan melalui Rajah 1.

Rajah 1: Perniagaan Pelancongan



Sumber: Lundberg *et al.* [12]

Pelajar universiti merupakan golongan yang akan menyumbang kepada guna tenaga negara. Usaha perlu dilaksanakan untuk mengkaji persepsi golongan ini terhadap kerjaya dalam sektor pelancongan. Ini adalah penting untuk perancangan jangka panjang dalam memastikan tenaga kerja yang mencukupi serta kualiti perkhidmatan sektor ini sentiasa terjamin. Ini disokong oleh kenyataan Hjalager [13], pengambilan pekerja dalam sektor pelancongan semakin bergantung kepada kelulusan akademik. Akan tetapi, apa yang lebih membimbangkan adalah, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kerjaya di dalam bidang pelancongan bukanlah menjadi pilihan utama bagi golongan muda walaupun mereka mempunyai pengetahuan di dalam bidang tersebut [4][5][7].

Maka dengan ulasan ini, ternyata bahawa dengan strategi peningkatan bilangan peluang pengajian serta latihan dalam sektor pelancongan tidak menjamin tenaga kerja yang mencukupi ataupun dapat mengekalkan mereka supaya berkhidmat lama di dalam sektor ini. Ternyata di sini bahawa apa yang penting adalah persepsi/pandangan positif kumpulan ini yang akan dapat menjana jumlah tenaga kerja yang diperlukan dan kemungkinan juga dapat mengekalkan mereka dalam sektor ini seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan. Kenyataan ini disokong oleh Hjalager [13] yang menyatakan bahawa dua aspek utama yang boleh menentukan pemilihan sektor pelancongan sebagai kerjaya iaitu sikap pelajar dalam menuju bidang pekerjaan dan juga pengaruh-pengaruh ke atas faktor sikap tersebut. Bain dan Fotler [14] berpandangan bahawa struktur, faktor-faktor luaran, kelas sosial dan kehidupan keluarga serta pencapaian maklumat merupakan antara pengaruh dalam pemilihan kerjaya dalam sektor pelancongan.

Maka boleh disimpulkan di sini bahawa penyediaan tenaga kerja berkualiti selaras dengan perkembangan pelancongan negara, kekurangan maklumat berkenaan dengan pandangan atau persepsi golongan-golongan lepasan ijazah terhadap kerjaya dalam sektor pelancongan, halatuju perancangan Malaysia terhadap sektor pelancongan negara serta pengetahuan teoretikal berkaitan pemilihan kerjaya dan etika kerja telah menyediakan peluang penyelidikan yang luas. Faktor-faktor ini menjana rasional serta rangkakerja untuk kajian ini. Justeru, tujuan menyeluruh kajian ini adalah untuk meneroka persepsi golongan-golongan lepasan ijazah terhadap kerjaya dalam sektor pelancongan dan faktor yang mempengaruhi persepsi tersebut.

5.0 Objektif kajian

5.1 Objektif Umum

Tujuan utama kajian adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar-pelajar baru UUM terhadap peluang pekerjaan di sektor pelancongan. Hasil tersebut diharap dapat memberi maklumat kepada organisasi atau agensi tertentu untuk menyediakan *blueprint* atau membuat perancangan yang lebih teliti dengan mengambil kira persepsi pelajar universiti kerana merekalah yang akan menjadi tulang belakang sektor pelancongan pada masa hadapan.

5.2 Objektif Khusus

Objektif khusus adalah seperti berikut:

5.2.1 Menenalpasti persepsi dan minat pelajar terhadap sektor pelancongan.

5.2.2 Menenalpasti *attributes* yang menarik pelajar untuk menceburkan diri dalam sektor pelancongan mengikut keutamaan.

5.2.3 Menenalpasti sama ada galakan ahli keluarga sektor pelancongan mempengaruhi minat pelajar dalam pemilihan kerjaya di bidang pelancongan.

5.2.4 Menyenaraikan pilihan tempat pekerjaan atau sub-sektor pelancongan oleh pelajar yang berminat dalam sektor pelancongan.

6.0 Metodologi Kajian

Kaedah pengedaran borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data bagi tujuan kajian ini. Pengumpulan data melalui borang soal selidik telah dilakukan ke atas seramai 402 orang pelajar baru UUM daripada pelbagai sekolah/fakulti semasa minggu suaikenal Semester Pertama Sesi 2003/2004. Rangka kerja teoritikal digunakan untuk menggambarkan kajian ini secara terperinci mengenai persepsi pelajar-pelajar baru ini terhadap pelancongan dan menjadikan sektor pelancongan sebagai kerjaya mereka. Persepsi pelajar-pelajar akan juga menentukan *attributes* yang akan mempengaruhi atau menghalang mereka dalam menjadikan sektor pelancongan sebagai kerjaya utama mereka pada masa hadapan.

6.1 Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah persampelan berkelompok iaitu sampel adalah terdiri daripada kelompok daripada populasi pelajar baru semester pertama sesi 2003/2004 yang telah dibahagikan mengikut kolej kediaman masing-masing. Jumlah pelajar baru yang mendaftar pada sesi tersebut adalah seramai 5026 orang. Kajian ini menggunakan sebanyak 8% daripada jumlah keseluruhan pelajar baru iaitu seramai 420 orang pelajar. Daripada jumlah 420 pelajar ini, mereka telah dikelompokkan mengikut jumlah kolej kediaman di uum yang menempatkan pelajar baru iaitu 12 buah kolej. Oleh itu, sebanyak 35 borang soal selidik telah diedarkan kepada setiap kolej kediaman yang menempatkan pelajar baru.

7.0 Analisis Kajian

Penyelidik telah mengedarkan sebanyak 420 borang soal selidik. Sebanyak 30 borang soal selidik tidak boleh digunakan kerana tidak lengkap atau rosak. Oleh itu bahagian ini akan menghuraikan hasil analisa ke atas 390 borang soal selidik yang boleh digunakan (*usable questionnaires*). Soal selidik ini terbahagi kepada dua Bahagian. Bahagian A berkaitan latar belakang responden manakala Bahagian B adalah berkenaan persepsi pelajar mengenai sektor pelancongan sebagai peluang kerjaya.

7.1 Profil Responden

Ringkasan profil demografi 390 responden di senaraikan di Jadual 3. Majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 76.4% berbanding dengan hanya 23.6% pelajar lelaki. Seramai 69.7% daripada jumlah responden terdiri daripada bangsa Melayu, diikuti dengan pelajar bangsa Cina (19.7%), India (7.4%) dan lain-lain (3.1%). Majoriti responden terdiri daripada pelajar beragama Islam (70.1%). Min umur responden berada dalam lingkungan 20 tahun (rujuk jadual 3).

Jadual 3: Profil Sosio-Demografi Responden

Ciri Responden	%	Ciri Responden	%
Jantina		Negeri Asal	
Lelaki	23.6	Perlis	1.1%
Perempuan	76.4	Kedah	17.4%
Bangsa		Pulau Pinang	6.6%
Melayu	69.7%	Perak	11.3%
Cina	19.7%	Selangor	10.6%
India	7.4%	W. P. Kuala Lumpur	4.0%
Lain-lain	3.1%	Negeri Sembilan	2.4%
Agama		Pahang	8.2%
Islam	70.1%	Melaka	3.7%
Kristian	4.6%	Johor	10.8%
Budha	17.3%	Kelantan	14.0%
Hindu	8.0%	Terengganu	5.3%
Min Umur (Tahun)	20.31	Sarawak	2.9%
Min Tempoh Menetap (Tahun)	17.65	W. P. Labuan	0.3%
		Sabah	1.6%

Daripada jumlah 390 responden yang telah dikenalpasti, seramai 237 atau 62.0% pernah bekerja sebelum memasuki UUM. Daripada jumlah ini, majoriti daripada mereka iaitu seramai 204 orang atau 86.1% bekerja secara sambilan. Walau bagaimanapun jumlah yang bertugas di dalam sektor pelancongan adalah kecil iaitu seramai 31 orang atau 13.1%. Jadual 4 di bawah menunjukkan jenis pekerjaan dalam sektor pelancongan yang telah diceburi oleh 31 orang responden tersebut.


Jadual 4: Tempat/Jenis Pekerjaan

TEMPAT/JENIS PEKERJAAN	BIL	PERATUS
Agensi pelancongan	1	3.2%
Tempat rekreasi	4	12.9%
Tempat hiburan	4	12.9%
Restoran	14	45.2%
Kedai tarikan pelancongan	3	9.7%
Penginapan	5	16.1%
JUMLAH	31	100%

7.2 Objektif khusus

Objektif Pertama: Mengetahui persepsi dan minat pelajar terhadap pekerjaan dalam sektor pelancongan.

Carta 1 : Persepsi dan minat pelajar terhadap pekerjaan dalam sektor pelancongan



Analisa ini adalah berdasarkan kepada soalan “Sejauh mana anda yakin pekerjaan dalam sektor pelancongan dapat menjamin kehidupan masa depan seseorang?” dan “Jika ditawarkan pekerjaan dalam sektor pelancongan selepas menamatkan pengajian di UUM, adakah anda akan menerima pekerjaan tersebut?”.

Untuk menjelaskan objektif pertama, penyelidik telah melihat persepsi dua kumpulan responden terhadap kerjaya dalam sektor pelancongan. Kumpulan tersebut ialah mereka yang sanggup bekerja (iaitu

seramai 333 orang atau 85.4%) dengan mereka yang tidak sanggup bekerja (seramai 57 orang atau 14.6%) dalam sektor pelancongan selepas menamatkan pengajian di UUM (Sila rujuk Carta 1). Persepsi pelajar yang positif terhadap masa hadapan sektor pelancongan mendorong minat mereka untuk bekerja dalam sektor pelancongan. Ini menunjukkan bahawa kumpulan pelajar yang yakin dan amat yakin terhadap sektor ini berminat dan sanggup bekerja dalam sektor ini kerana percaya bahawa kerjaya dalam sektor pelancongan dapat menjamin masa hadapan seseorang.

Dapat dirumuskan di sini bahawa kumpulan pelajar mempunyai persepsi positif amat sanggup untuk menceburkan diri dalam kerjaya di bidang pelancongan. Bagaimanapun pelajar yang mempunyai persepsi kurang positif (tidak pasti, tidak yakin dan sangat tidak yakin) masih sanggup untuk bekerja dalam sektor pelancongan. Kebarangkalian situasi ini berlaku kerana pelajar sanggup menerima sebarang pekerjaan sebaik sahaja tamat pengajian. Senario ini akan menyokong kenyataan Ryan [15] bahawa kerjaya dalam sektor ini sebagai batu loncatan sahaja untuk kerjaya di tempat lain.

Jadual 5: Demografi responden yang memilih untuk tidak bekerja dalam sektor pelancongan.

Jantina	Sekolah/Fakulti*
Lelaki = 17 (29.8%)	Sekolah Perakaunan = 15 (29.4%)**
Perempuan = 40 (70.2%)	Sekolah Teknologi Maklumat = 9 (12.2%)
	Sekolah Pembangunan Sosial = 9 (11.1%)
Bangsa*	Sekolah Pengurusan = 8 (12.1%)
Melayu = 34 (12.5%)	Sekolah Kewangan dan Perbankan = 8 (28.6%)
Cina = 15 (19.5%)	
India = 6 (20.7%)	
Lain-lain = 2 (16.7%)	

Nota: "*" bermaksud peratus daripada jumlah asal responden. Contohnya "*" bagi Sekolah Perakaunan, seramai 15 orang pelajar daripada 51 orang yang tidak memilih kerjaya dalam sektor pelancongan.


Jadual 5 di atas menunjukkan demografi pelajar yang tidak berminat untuk bekerja dalam sektor pelancongan. Hasil kajian menunjukkan dari sejumlah 297 pelajar wanita hanya 40 orang yang tidak berminat untuk bekerja dalam sektor pelancongan. Jumlah tersebut dianggap kecil kerana jumlah sebenar pelajar wanita yang berminat untuk bekerja dalam sektor pelancongan ini ialah seramai 257 orang atau 86.53% daripada keseluruhan responden wanita. Ini adalah petanda yang mengalakkan kerana imej buruk bagi kaum wanita menceburi kerjaya dalam sektor pelancongan semakin pudar.

Jadual di atas juga memberi gambaran bahawa persepsi pelajar dalam bidang lain terhadap sektor pelancongan amat positif. Sebagai contoh, 71.6% pelajar dari Sekolah Perakaunan memilih kerjaya dalam sektor ini. Senario ini memaparkan halatuju peningkatan kualiti dalam sektor ini yang amat memberangsangkan kerana campuran kepakaran daripada pelbagai disiplin ke dalam sektor ini akan mencetuskan kualiti perkhidmatan yang tinggi.

Objektif Kedua: Mengenalpasti *attributes* yang menarik pelajar untuk menceburkan diri dalam sektor pelancongan mengikut keutamaan.

Objektif ini akan mengenalpasti *attributes* yang menarik para pelajar untuk menceburkan diri dalam sektor pelancongan. Seperti yang dinyatakan di dalam Carta 2 dan Jadual 6 di bawah, *attribute* yang paling utama dalam memilih kerjaya dalam sektor pelancongan ini ialah kerana "kemahiran/pengalaman yang bakal diperolehi", diikuti dengan "minat dalam pekerjaan" dan seterusnya berkait dengan "kepuasan kerjaya yang diperolehi". Kajian mendapati "nilai kerjaya itu sendiri/imej" serta "tawaran upah yang tinggi" bukan merupakan *attribute* utama yang menarik pelajar untuk memilih kerjaya di dalam sektor ini.

Carta 2: Attributes yang menarik pelajar untuk bekerja dalam sektor pelancongan



Jadual 6: Attributes yang menarik pelajar untuk bekerja dalam sektor pelancongan

<i>Attributes</i>	Bilangan (orang)	Peratus
Kemahiran/Pengalaman yang bakal diperolehi	154	46.2%
Minat dalam pekerjaan	84	25.2%
Kepuasan kerjaya	58	17.4%
Nilai kerjaya/Imej	33	9.9%
Tawaran upah tinggi	32	9.6%
Tiada pilihan	18	5.4%

Data daripada Carta 2 dan Jadual 6 membuktikan bahawa kenyataan Szivas dan Riley [4], bahawa kerjaya di dalam industri pelancongan hanya akan mendapat perhatian apabila berlakunya kekurangan peluang kerjaya di dalam bidang lain adalah tepat. Sekiranya *attribute* utama untuk ke sektor ini adalah mencari pengalaman atau kemahiran sahaja, kemungkinan pekerja itu tidak kekal lama dalam kerjaya tersebut. Keadaan pertukaran pekerja yang kerap (*high turnover*) akan menjejaskan kualiti perkhidmatan dan masa hadapan sektor ini. Senario ini akan mewujudkan satu cabaran besar dan sekiranya tidak diperbetulkan akan mengakibatkan penurunan kualiti perkhidmatan yang akan menjejaskan reputasi sektor pelancongan negara.

Objektif Ketiga: Menenalpasti sama ada galakan ahli keluarga dalam sektor pelancongan mempengaruhi minat pelajar dalam pemilihan kerjaya dalam sektor pelancongan.

Menurut Ross [16], dalam kajiannya di Australia mendapati bahawa penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan pelancongan akan bersikap lebih terbuka terhadap kerjaya dalam industri pelancongan. Manakala Shaharuddin *et.al.* [17] dalam kajian mereka ke atas pelajar sekolah di Langkawi mendapati bahawa minat pelajar dipengaruhi oleh penjaga mereka yang bertugas dalam sektor pelancongan. Seramai 75.6% daripada mereka yang berminat mempunyai bapa yang bekerja dan 63.6% mempunyai ibu yang terlibat dalam sektor pelancongan.

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua pernyataan tidak menyokong hasil kajian Getz [5] di Scotland bahawa walaupun seseorang itu mempunyai pengalaman secara langsung, atau ahli keluarga mereka terlibat dalam sektor pelancongan tetapi mereka masih lagi mempunyai persepsi yang negatif terhadap kerjaya dalam sektor ini.

Daripada jumlah 390 responden kajian ini, hanya seramai 44 orang daripada mereka mempunyai ahli keluarga yang terlibat/bekerja dalam sektor pelancongan. Kumpulan pelajar ini telah disoal sama ada minat mereka untuk bekerja dalam sektor pelancongan adalah dipengaruhi oleh galakan daripada ahli keluarga atau tidak. Daripada 44 responden ini, hanya 38 orang sahaja yang berminat untuk kerjaya dalam sektor ini. Kajian menunjukkan seramai 36 orang atau 94.74% mendapat galakan daripada ahli keluarga.

Daripada analisa data yang telah dilakukan, bolehlah disimpulkan di sini bahawa kajian yang dilakukan ke atas pelajar baru UUM ini tidak menyokong kesimpulan kajian yang dilakukan oleh Getz [5] tetapi menyokong kenyataan Ross [16] dan Shaharuddin *et.al* [17].

Objektif Keempat: Menyenarai pilihan tempat pekerjaan oleh pelajar yang berminat dalam sektor pelancongan dari kalangan pelajar baru UUM.

Jadual 7 menunjukkan tempat pekerjaan yang menjadi pilihan responden. Tempat berikut merupakan pilihan pertama kepada pelajar; Jabatan/Kementerian Pelancongan (117 orang), agensi pelancongan (107 orang), sektor penginapan (35 orang), tempat rekreasi (22 orang), tempat bersejarah (15 orang), restoran (13 orang), tempat hiburan (12 orang), agensi pengangkutan (8 orang) dan kedai tarikan pelancong (3 orang).

Jadual 7: Pilihan tempat pekerjaan pelajar yang sanggup bekerja

TEMPAT PEKERJAAN (n=332)	
1.	Jabatan/Kementerian Pelancongan = 117
2.	Agensi Pelancongan = 107
3.	Penginapan = 35
4.	Tempat Rekreasi = 22
5.	Tempat Bersejarah = 15
6.	Restoran = 13
7.	Tempat Hiburan = 12
8.	Agensi Pengangkutan = 8
9.	Kedai Tarikan Pelancong = 3

Data kajian juga menunjukkan pemilihan tempat pekerjaan bagi pelajar Melayu dan Cina amat berbeza. Jadual 8 menunjukkan majoriti pelajar Melayu memilih bekerja di Jabatan/Kementerian Pelancongan, diikuti agensi pelancongan dan sektor penginapan. Berbanding dengan pelajar Cina yang lebih berminat untuk bekerja di jabatan bukan kerajaan seperti di agensi pelancongan, sektor penginapan, dan juga tempat hiburan.

Jadual 8: Pilihan tempat pekerjaan bagi pelajar Melayu dan Cina yang mempunyai pengalaman kerja

BIL	MELAYU (238)	CINA (62)
1.	Jabatan/Kementerian Pelancongan = 99	Agensi Pelancongan = 27
2.	Agensi Pelancongan = 68	Penginapan = 10
3.	Penginapan = 24	Jabatan/Kementerian Pelancongan = 9
4.	Tempat Rekreasi = 13	Tempat Rekreasi = 5
5.	Tempat Bersejarah = 10	Tempat Hiburan = 3
6.	Restoran = 10	Restoran = 3
7.	Tempat Hiburan = 7	Kedai Tarikan Pelancong = 3
8.	Agensi Pengangkutan = 6	Tempat Bersejarah = 2
9.	Kedai Tarikan Pelancong = 0	Agensi Pengangkutan = 0

Analisa ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar berminat terhadap sektor pelancongan tetapi pilihan tempat pekerjaan hanya tertumpu (67.4%) pada sub-sektor tertentu iaitu di agensi pelancongan dan Jabatan/Kementerian Pelancongan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang berminat untuk menceburkan diri dalam sub-sektor yang memerlukan kemahiran khusus seperti di restoran (3.9%), penginapan (10.5%), tempat rekreasi (6.6%) dan agensi pengangkutan (2.4%). Ini kemungkinan kerana 99.4% responden kajian terdiri daripada pelajar yang bukan dalam pengkhususan pelancongan atau hospitaliti.

Senario ini memberi gambaran bahawa tenaga pekerja yang akan dijana, walaupun mempunyai persepsi positif terhadap kerjaya di sektor ini, tetapi pilihan tempat kerja mereka agak berat pada subsektor pentadbiran dan pemasaran sahaja. Hasil kajian ini menyokong supaya satu perancangan teliti di buat di peringkat kerajaan berkenaan pengeluaran lulusan bagi menampung guna tenaga di tempat kerja seperti di sub-sektor makanan, penginapan, tempat rekreasi dan hiburan, dan agensi pengangkutan.

8.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Sektor pelancongan di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang begitu menggalakkan. Sejarah dengan perkembangan ini, permintaan terhadap tenaga kerja juga turut meningkat. Sehubungan dengan itu, Hjalager [13] telah menegaskan tentang pentingnya untuk mengambil pekerja yang berkelulusan di dalam bidang pelancongan. Walaupun kajian ini telah mendapati bahawa 84.5% pelajar baru berminat untuk menyertai sektor pelancongan, minat dan imej kerjaya bukanlah menjadi pendorong utama tetapi untuk mencari kemahiran atau pengalaman baru. Fenomena ini agak membimbangkan kerana ia jelas menyokong kenyataan Ryan [15] bahawa kerjaya dalam sektor ini digunakan sebagai batu loncatan untuk kerjaya yang lebih baik di sektor lain.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang terlibat secara langsung di dalam bidang pelancongan juga cenderung untuk memilih sektor pelancongan sebagai kerjaya, sepertimana yang telah dibuktikan oleh Bain dan Fotler [14]. Oleh itu, dapat dicadangkan disini agar pelajar perlu diberikan pendedahan sejak dari peringkat awal persekolahan dan ianya perlu dilakukan secara berterusan. Ini bukan sahaja memberikan pengetahuan malah dapat memupuk persepsi positif dan minat di kalangan mereka terhadap sektor pelancongan. Pengaruh kuat melalui nilai kerja dan sumber maklumat mengenai industri ini pasti akan mendorong pelajar-pelajar supaya berminat dalam pembentukan perkembangan diri dan akan berkeyakinan bahawa sektor ini akan membekalkan peluang-peluang kerjaya yang lebih cerah serta mempunyai banyak peluang untuk meningkatkan tahap profesionalisme pada masa hadapan.

Cabaran dalam membentuk persepsi ini perlu disahut oleh semua pihak. Golongan muda perlu diberi pengetahuan serta maklumat yang bersesuaian dan tepat, disamping memberikan bimbingan dan sokongan yang diperlukan untuk menjadikan kerjaya dalam sektor ini pilihan utama mereka pada masa hadapan. Walaubagaimanapun, maklumat dan pengetahuan yang ingin disampaikan perlulah seimbang dan tidak membuatkan mereka hilang minat terhadap bidang pelancongan [13].

Bagi merealisasikan matlamat ini, satu *blue print* menyeluruh berkaitan dengan keperluan sumber manusia perlu diteliti bersama oleh kerajaan dan pihak swasta. Perancangan sebegini akan memberi maklumat yang konsisten dan berkesinambungan. Kerjasama di antara kerajaan dan pihak swasta akan pasti meningkatkan lagi imej sektor ini terutamanya pada kacamata masyarakat yang didapati dalam kajian ini yang merupakan satu faktor yang mempengaruhi pilihan kerjaya lulusan universiti.

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa semua *attributes* yang telah dikenalpasti dalam kajian ini memainkan peranan yang penting terhadap pemilihan kerjaya para pelajar. Justeru itu, pihak kerajaan dan swasta

wajar mengambil langkah proaktif untuk memastikan tenaga kerja yang menyertai sektor pelancongan di negara ini mempunyai minat dan kualiti serta kepakaran untuk menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan yang mampan.

Rujukan

- [1] Utusan Malaysia. (20 Jun 2006). *RMI Bilion Giatkan Industri Pelancongan*.
- [2] Choy, J.L.D. (2001). The Quality of Tourism Employment. *Tourism Management*. Vol. 16 No. 2 pp129-137.
- [3] Lewis, A., and Airey, D. (2001). Tourism careers in Trinidad and Tobago: Perceptions of Secondary School Students. *Tourism and Hospitality Research*, Vol. 3, No. 1 : 7-20.
- [4] Szivas, E. and Riley, M. (1999). Tourism Employment During Economic Transition. *Annals of Tourism Research*. Vol 26. No. 4. pp 71-74.
- [5] Getz, D. (1994). Students' Work Experiences, Perceptions, and Attitudes Towards Careers in Hospitality and Tourism, A Longitudinal Case Study in Spey Valley, Scotland. *International Journal of Hospitality Management*. Vol. 13. No. 1. pp. 25-38.
- [6] McKercher, B., Williams, A., and Coglean, I. (1995). Career Progress of Recent Tourism Graduates. *Tourism Management*. Vol. 16. No. 7.
- [7] Purcell, K. and Quinn, J. (1996). Exploring the Education – Employment Equation in Hospitality Management. *International Journal of Hospitality Management*. Vol. 15, No. 1, pp 51-68.
- [8] International Tourist Arrival 2001. Available at : <http://ncb.intnet.mu/cso/report/natacc/tourist01/tourism.htm>
- [9] World Travel & Tourism Council (WTTC) (2005) Available at: <http://www.leisuretourism.com/Articles.asp?action=display&openMenu=search&ArticleID=5646>
- [10] Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2000). Rancangan Malaysia Kelapan, Bab 15: Pelancongan.
- [11] Utusan Malaysia, (6 April 2001). *Urus Pelancongan Secara Berkekalan*.
- [12] Lundberg, D.E., Stravenga, M.H., and Krishnamoorthy, M. (1995). *Tourism Economics*. Canada: John Wiley and Sons.
- [13] Hjalager, A.M, and Anderson, S. (2001). Tourism Employment: Contingent Work or Professional Career? *Employee Relations*. Vol. 23 No. 2, : 115-129.
- [14] Bain, T. and Fotler, M. D. (1984). Realism of Occupational Choice Among High School Seniors: Implications for Quality of Work Life. *Journal of Occupational Psychology*. 5. pp. 237-266.
- [15] Ryan, C. (1995). Tourism Courses: A New Concern for New Times? *Tourism Management*. Vol. 16. No. 2. pp 97- 100.
- [16] Ross, G.F. (1994). What do Australian School Leavers Want of the Industry, *Tourism Management*, 15, 1, 62-66.
- [17] Shaharuddin Tahir, Abdul Razak Chik, Shamsul Bahrin Rawi, Hamimi Omar and Suzzaini Abdullah (2001) Making a Career of Tourism: Langkawi Secondary School Students' Perspective of the Future. Paper presented in *The First Hospitality and Tourism Educators National Conference*. Organised by UUM, Taylor's College and MOCAT. 14 – 15 June, Park Plaza Hotel, Kuala Lumpur.